

NOV 2018

PERSYARIKATAN MALAYSIA



PEMBUKA BICARA

Persyarikatan Malaysia atau Malaysia Incorporated adalah dasar yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad semasa beliau pertama kali memegang jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia pada tahun 1983. Dalam merangka mengenai konsep tersebut, Tun Dr. Mahathir pada ketika itu menyatakan:

Saya ingin jelaskan bahawa “Malaysia Incorporated” bermakna pemerintah dan swasta **bukanlah sektor yang bertentangan** antara satu dengan yang satu lagi, tetapi adalah **anggota yang sepakat** dalam usaha menjadikan negara lebih **efisien dan “competitive”**. Dalam konsep ini **Kerajaan** harus **berusaha** secara positif untuk **menjayakan peniaga dan pengusaha**, dan mereka pula harus **menganggap Kerajaan** sebagai **rakan yang perlu dibantu** kerana Kerajaan bukan sahaja ditugas untuk pembangunan

dan kestabilan negara, tetapi adalah sebahagian dari jentera yang boleh menjayakan segala kegiatan ekonomi negara. **Hasil** dari kerjasama dan tolong-menolong ini ialah **negara akan kaya dan stabil**, yang sudah tentu membawa manfaat kepada Kerajaan, kepada peniaga dan pengusaha, dan kepada rakyat keseluruhannya. Sebagai satu persyarikatan, **keupayaan Malaysia bersaing** dengan negara lain dalam bidang perdagangan dan perusahaan adalah **lebih tinggi**. Sebaliknya, jika Kerajaan dan swasta asyik berkonfrontasi, “efficiency” dan “productivity” negara ini tidak dapat dipertingkatkan, dan kita tidak mungkin bertanding dengan negara lain dengan jayanya....





HASIL KERJASAMA

Secara ringkasnya, yang ingin ditekankan oleh konsep ini adalah kewujudan sektor kerajaan dan swasta di negara ini bukanlah untuk dijadikan sebagai satu pertentangan atau *rivalry*. Sebaliknya, ia menuntut kepada satu hubungan *reciprocal* yang berpegang kepada prinsip persahabatan dan saling tolong menolong di mana kerajaan akan berusaha untuk menjayakan agenda di sektor swasta manakala pihak swasta pula membantu kerajaan dalam membangunkan negara.

Hasil daripada persyarikatan ini akan menjadikan pendapatan negara dapat ditingkatkan selain menjadikan ekonomi Malaysia kembali stabil. Tanpa pelaksanaan dasar ini, adalah sukar bagi Malaysia untuk bersaing dengan negara lain terutamanya dalam bidang perdagangan dan perusahaan. Selain iu, dasar ini juga dijangka akan meningkatkan efisiensi dan produktiviti negara apabila pihak kerajaan dan swasta fokus kepada isu-isu pembangunan berbanding konfrantasi yang berpunca daripada isu-isu remeh dan temeh di antara kedua belah pihak.

OBJEKTIF

Daripada apa yang dibincangkan sebelum ini, dapat disimpulkan bahawa objektif dasar ini adalah seperti berikut:

- 1. Mewujudkan kerjasama erat, bermakna dan berkesan** antara sektor awam dan swasta demi pembangunan negara bagi mencapai faedah bersama.
- 2. Menghapuskan sifat ‘permusuhan’** antara kedua-dua sektor dengan menggalakkan perkongsian maklumat, dan saling faham-memahami akan prosedur dan matlamat kedua belah pihak
- 3. Meningkatkan hasil pendapatan, efisiensi dan produktiviti** negara.

TANGGUNGJAWAB PELAKSANAAN

SEKTOR AWAM

Sektor awam haruslah memainkan peranannya sebagai **perancang, fasilitator dan pelaksana** program-program kerajaan:

- Sebagai **fasilitator**, sektor awam menyediakan suasana yang kondusif bagi merangsang pertumbuhan ekonomi yang pesat; sebagaimana dan sejauh yang dibenarkan oleh peraturan dan undang-undang.
- Sebagai **perancang**, sektor awam mestilah peka dan responsif kepada perubahan-perubahan dalam persekitaran dunia semasa merancang arah tujuan dan strategi pertumbuhan; proaktif; menyediakan maklumat yang betul; aktiviti galakan pasaran yang lebih baik melalui perwakilan sebaerang laut.
- Sebagai **pelaksana**, sektor awam perlu terus menyediakan kemudahan dan perkhidmatan sosial yang penting kepada semua rakyat; bukan sahaja kemudahan dan perkhidmatan itu meluas tetapi standardnya harus lebih baik.

SEKTOR SWASTA

Sebagai **penggerak pertumbuhan ekonomi** sektor swasta perlu menjadi **lebih kuat, dinamik, berdaya saing, cekap dan tangkas** dalam menghadapi cabaran-cabaran saingan di pasaran global.

Barangan dan perkhidmatan yang mereka hasilkan atau tawarkan haruslah **mampu** mengekalkan **persaingan** dengan pelbagai produk, perkhidmatan dan barangan daripada **pemain global** di pasaran yang terbuka pada masa kini.

Mereka juga perlu **bersatu tenaga** bagi **menembusi pasaran baru** di negara-negara yang sedang membangun seperti contoh di Asia, Afrika, Eropah Timur, Timur Tengah dan Amerika Latin.



PERSYARIKATAN MALAYSIA DI ERA MALAYSIA BAHARU

Sejak daripada 9 Mei 2018 yang lalu, negara ini sedang menjalani satu perubahan yang drastik apatah lagi pemerintahan kerajaan bertukar tangan kepada parti Pakatan Harapan. Bagaikan sudah takdir yang tersurat, Tun Dr. Mahathir Bin Mohamad yang telah memperkenalkan dasar Persyarikatan Malaysia ini lebih daripada 35 tahun lalu kini kembali menerajui kerajaan. Dengan ini, dasar Persyarikatan Malaysia akan menjalani proses “revival” dengan skop yang lebih luas dalam mendepani cabaran dunia tanpa sempadan yang menuntut negara kita bersaing di pasaran yang lebih terbuka.

Di antara perkara yang terdapat di dalam manifesto kerajaan adalah untuk menjadikan kerajaan Malaysia Baharu ini sebagai kerajaan yang “mesra perniagaan”. Perkara ini amat bertepatan dan bersesuaian dengan kebangkitan semula dasar Persyarikatan Malaysia. Ini kerana, salah satu daripada objektif dasar ini ialah untuk mempermudahkan pihak swasta yang menjalankan perusahaan dan perniagaan dalam usaha mereka meningkatkan hasil dan pengeluaran daripada aktiviti masing-masing.

Dalam ucapan sejezur selepas mengangkat sumpah menjadi Perdana Menteri pada 10 Mei 2018 yang lalu, YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad menyatakan seperti berikut:

“Sebenarnya, idea ‘kerajaan mesra perniagaan’ telah pun dilontarkan lama dahulu, semasa pengenalan konsep **Persyarikatan Malaysia**. Kami bercadang untuk membina ekonomi Malaysia dengan bantuan pelabur dari dalaman dan luar negeri...”

(10 Mei 2018, Sumber : <https://www.youtube.com/watch?v=5D0EKcsNR1U>)

Selain itu, dalam ucapan beliau di majlis perasmian Persidangan Agung Tahunan Gabungan Dewan Perniagaan dan Industri Cina Malaysia (ACCIM) ke 72, beliau telah menekankan bahawa dasar ini telah memberi manfaat kepada semua pihak di Malaysia tanpa mengira batasan kaum:

“Itulah sebabnya daripada mula, saya telah memutuskan bahawa kita perlu ada hubungan baik dengan ACCIM semasa saya merupakan Perdana Menteri ke-4. Dan dengan perhubungan tersebut, dalam konteks **Persyarikatan Malaysia** telah membuahkan manfaat untuk semua orang, bukan sahaja ahli ACCIM malah keseluruhan negara, samada Melayu, Cina atau India.”

(19 Julai 2018, Sumber: <https://www.youtube.com/watch?v=jVIydRJJuYAO>)

YAB Tun Dr. Mahathir juga menekankan bahawa kerajaan sedia untuk menggalakkan sektor perniagaan dan perusahaan. Galakkan ini dibuat kerana ia sebenarnya bakal memberi keuntungan kepada kerajaan sendiri. Petikan ucapan beliau mengenai hal ini semasa Persidangan dan Pameran Sarung Tangan Getah Antarabangsa 2018 adalah seperti berikut:

“ Kerajaan sudah semestinya menggalakkan perniagaan. Kita percaya pada **Persyarikatan Malaysia**. Kita percaya dengan kerjasama erat di antara kerajaan dan sektor swasta. Ianya bukanlah satu tindakan yang tidak mementingkan diri. (Malah), jika kami (Kerajaan) membantu anda membuat lebih banyak keuntungan, ia adalah kerana 26% daripada keuntungan tersebut menjadi hak kerajaan...”


“ ...Jadi kerajaan ini berjanji untuk kembali ke zaman di mana kita mempunyai **Persyarikatan Malaysia** di mana keseluruhan negara dianggap sebuah kumpulan perusahaan (perniagaan) yang besar. Di sini, kerajaan dan sektor swasta bekerja bersama-sama untuk menjana keuntungan yang besar untuk negara ini.”

(4 September 2018, Sumber: <https://www.youtube.com/watch?v=hVepFaHXNoM>)

Dasar ini juga turut diperkatakan di peringkat antarabangsa. YAB Tun Dr. Mahathir telah menerangkan konsep ini semasa menyampaikan satu ceramah di Asia Society Policy Institute, New York. Dalam ucapan beliau, dinyatakan:

“Kami akan mengadaptasi semula konsep **Persyarikatan Malaysia** yang bermaksud Malaysia adalah sebuah syarikat di mana sektor swasta dan kerajaan bekerja sama dengan erat untuk memastikan kejayaan ‘syarikat’ serta memberikan yang terbaik untuk rakyat...”

(4 September 2018, Sumber: <https://www.youtube.com/watch?v=hVepFaHXNoM>)



PENJAJARAN DASAR PERSYARIKATAN MALAYSIA DENGAN MANIFESTO KERAJAAN

Pelaksanaan dasar Persyarikatan Malaysia ini dapat dijabarkan kepada beberapa janji yang terdapat di dalam Manifesto Kerajaan untuk memastikan ianya dapat dicapai dan dilaksanakan.

Bersesuaian dengan semangat di dalam dasar ini, di mana pihak swasta dan kerajaan bekerjasama untuk mencapai matlamat dan objektif demi kepentingan negara, maka berikut disenaraikan janji-janji yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan melalui bantuan dan penyelarasan di pihak swasta.

1. MEMERANGI JENAYAH DAN GEJALA SOSIAL

- Menggiatkan lagi **kerjasama dengan pihak swasta** dan syarikat-syarikat milik kerajaan untuk menjalankan **aktiviti-aktiviti pendidikan** anti-buli, anti-jenayah dan anti-gejala sosial di sekolah-sekolah, serta menambah bilangan kaunselor terlatih di sekolah-sekolah
- Kerajaan Pakatan Harapan akan mempertingkatkan kerjasama dengan **pihak NGO** yang terlibat dalam **pemuliharaan penagih dadah** untuk mengurangkan kadar mereka yang kembali menggunakan dadah

2. MENAIKKAN MARTABAT GOLONGAN PEKERJA DAN MEWUJUDKAN LEBIH BANYAK PEKERJAAN BERKUALITI

- Memberi fokus untuk **mewujudkan 1 juta pekerjaan berkualiti** untuk memastikan wujud mobiliti sosial yang membolehkan lebih ramai warga kita menjadi golongan kelas menengah.
- Merencanakan **pelaburan dalam sektor teknologi STEM** demi menjamin masa depan negara dalam persaingan dunia.
- Memberi **latihan semula** kepada **para penganggur** secara percuma dalam sektor-sektor baru terutamanya sektor teknologi.
- Memastikan **perkhidmatan penjagaan anak** disediakan bagi anak berumur sehingga 12 tahun. Perkhidmatan ini akan diberi **subsidi di semua Jabatan kerajaan**. Syarikat **swasta** pula akan diberi **insentif** untuk menyediakan perkhidmatan yang sama.

3. MENYEDIAKAN SUBSIDI MINYAK BERSASAR

- Menetapkan **subsidi minyak bersasar** menggunakan **teknologi** yang ada pada **kad pengenalan**.

4. MENJADIKAN SEKOLAH-SEKOLAH KERAJAAN SEBAGAI SEKOLAH PILIHAN TERBAIK UNTUK RAKYAT

- **Insentif** yang sesuai akan diberikan supaya lebih banyak sektor **swasta melibatkan diri** dalam membantu **memperbaiki sekolah-sekolah kerajaan** melalui program usahasama antara kerajaan dan sektor swasta (*public-private partnership*) dan melalui **tanggungjawab sosial korporat (CSR)**.
- Memperbetulkan model Sekolah Amanah yang wujud sekarang agar kos pembiayaan pendidikan secara keseluruhannya dapat diturunkan dengan cara **membawa masuk disiplin kos** yang biasanya **diamalkan oleh sektor swasta**.
- **Memperbaiki akses** dan kebolegunaan sistem **teknologi maklumat** di sekolah-sekolah.
- **Sekolah berasrama penuh** aliran **TVET** akan diwujudkan untuk pelajar cemerlang dari semua aliran.

5. MENGEMBALIKAN WIBAWA UNIVERSITI AWAM DAN PENGAJIAN TINGGI

- **Melipatganda peluang pengajian** menggunakan *Massive Open Online Courses (MOOC)* yang diiktiraf dan mempunyai akreditasi, agar golongan muda boleh **menggunakan teknologi moden** untuk menyambung pengajian dalam bidang yang diminati.

6. MEMPERBAIKI KUALITI PENDIDIKAN DAN KHIDMAT KESIHATAN

- Menaik taraf semua **hospital** awam Sabah dan Sarawak.
- **GLC** diminta **menyumbang** dalam usaha **menambahbaik infrastruktur** pendidikan dan kesihatan Sabah dan Sarawak.

7. MEMASTIKAN EKONOMI SABAH DAN SARAWAK BERKEMBANG DENGAN LEBIH PESAT DEMI KEMAKMURAN HIDUP RAKYAT SELURUHNYA

- Mempercepatkan **bekalan air bersih dan elektrik** ke luar bandar.
- Mengkaji pembinaan perkhidmatan **kereta api Trans-Borneo**.
- Membina lebih banyak **sekolah dan pusat perkhidmatan**.

8. MENCIPTA LEBIH BANYAK PELUANG PEKERJAAN BERGAJI TINGGI UNTUK ANAK-ANAK SABAH DAN SARAWAK

- Memajukan sektor **pelancongan** untuk **mewujudkan pekerjaan**.

9. MEMBELA NASIB GOLONGAN OKU

- **Bekerjasama** dengan **sektor swasta** dan **keusahawanan sosial** untuk menyediakan lebih banyak **peluang latihan** teknikal dan vokasional bagi **golongan istimewa**.
- **Insentif** sekaligus akan diberikan kepada syarikat-syarikat **swasta** untuk menyediakan **kemudahan** bagi **golongan istimewa**.

10. MENAMBAH PROGRAM PERUMAHAN MAMPU MILIK DAN MAMPU SEWA

- Membina **1,000,000 rumah mampu milik** dalam masa 2 penggal (10 tahun).
- Menyelenggara **pangkalan data terbuka** rumah mampu milik yang belum terjual.
- Mengambil alih **kerja-kerja penyelenggaraan** perumahan **kos rendah**.

11. MERINGANKAN BEBAN HIDUP YANG DITANGGUNG OLEH ANAK MUDA

- Mengambil langkah **pengurangan harga internet jalur lebar** (sehingga 50%) dan meningkatkan kelajuannya (sehingga 2 kali ganda).

12. MEMPERBAIKI KUALITI DAN LIPUTAN PENGANGKUTAN AWAM

- **Memperluas** akses dan liputan **perkhidmatan pengangkutan awam** di sekitar **bandar** dan **luar bandar**.
- **Bekerjasama** dengan syarikat pemilik **bas dan bas sekolah** untuk mengadaptasi sistem **e-hailing**.
- Menambah **10,000 unit bas awam** di seluruh negara dalam penggal pertama (5 tahun)

13. MENJAMIN KEPERLUAN MAKANAN ASAS RAKYAT DAN MENJAGA KEBAJIKAN PETANI

- **Membantu** para **petani** mengakses **teknologi tinggi** untuk aktiviti pertanian.
- Memperkenalkan **skim perlindungan takaful** untuk para petani, penternak dan nelayan.

14. MENGIMBANGI PEMBANGUNAN EKONOMI DENGAN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR

- **Meningkatkan** penjanaan tenaga melalui **sumber boleh diperbaharui** daripada 2% sekarang kepada 20% menjelang tahun 2025. Kerajaan juga akan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga yang dijanakan oleh batu arang.

KESIMPULAN

Idea dan pemikiran yang hebat akan kekal relevan tanpa mengira zaman. Inilah perumpamaan yang boleh kita berikan kepada Dasar Persyarikatan Malaysia. Ia kekal relevan walaupun kerajaan telah berubah. Siapa sangka idea yang berusia lebih daripada 30 tahun ini masih relevan dan berupaya untuk bertindak sebagai penyelesaian masalah. Malah, kepentingannya di zaman ini tampak lebih terserlah lebih-lebih lagi pihak kerajaan sedang berusaha sedaya upaya untuk memulih dan meningkatkan ekonomi negara pada masa kini.

Untuk berjaya, kita harus maju ke hadapan. Sektor Awam dan Swasta harus mengenenepikan sebarang perbezaan dan konfrontasi yang tidak menguntungkan dan mungkin menyebabkan kesusahan kepada rakyat. Hubungan saling bantu membantu harus disemai dan dipupuk dengan matlamat untuk mensejahterakan negara. Kedua-dua pihak harus berganding bahu dan bekerjasama untuk memastikan mereka sama-sama memperoleh manfaat hasil daripada kerjasama ini.

Bagi kita sebagai rakyat, kita juga memainkan peranan penting di dalam dasar ini. Setiap dari kita mempunyai “bahagian” masing-masing. Setiap dari kita adalah daripada salah satu sektor iaitu awam dan swasta. Ini bermakna, kita jugalah di antara penggerak kepada dasar ini. Tanpa kerja keras dan usaha kita, mana mungkin apa yang dicita-citakan melalui dasar ini dapat terlaksana. Oleh itu, marilah kita terus bekerja dan berusaha untuk mencurahkan bakti demi kemakmuran dan kesejahteraan anak cucu kita di masa hadapan. Kitalah Persyarikatan Malaysia! – A

RUJUKAN

- 1 Ucapan YAB PM di Majlis Perasmian Mercutanda binaan UMW, 1983
- 2 Dasar Persyarikatan Malaysia, Jabatan Penerangan Malaysia
- 3 Buku Harapan, Pakatan Harapan, 2018
- 4 Ucapan YAB PM di Sidang Media sejurus dilantik Perdana Menteri ke-7, 2018
- 5 Ucapan YAB PM di Persidangan Agung Tahunan Gabungan Dewan Perniagaan dan Industri Cina Malaysia (ACCIM) ke 72, 2018
- 6 Ucapan YAB PM di Asia Society Policy Institute New York, 2018
- 7 Ucapan YAB PM di Persidangan Antarabangsa Sarung Getah, 2018